




KERTAS 1 Soalan Objektif

Jawab semua soalan.

1.1 Latar Belakang Negara Bangsa sebelum Kedatangan Barat

- 1 Pernyataan berikut berkaitan dengan sejarah kerajaan Alam Melayu.

Idea dan asas negara bangsa telah wujud di Alam Melayu sebelum kedatangan orang Barat.

Bagaimanakah pernyataan tersebut dapat dibuktikan?

BUKU TEKS m.k. 4

- A Pembentukan kerajaan baharu
- B Kewujudan kerajaan Alam Melayu
- C Kemasyhuran Kesultanan Melayu Melaka
- D Pemerintahan beraja kerajaan Alam Melayu

- 2 Apakah persamaan dalam peranan kerajaan-kerajaan Alam Melayu yang berikut?

BUKU TEKS m.k. 9

Funan	Champa	Kedah Tua
-------	--------	-----------

- A Mengasaskan kerajaan Islam
- B Menentang kuasa Barat
- C Mewariskan ciri negara bangsa
- D Mewarisi sistem pemerintahan Melaka

- 3 Senarai berikut berkaitan dengan ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.

- Raja
- Undang-undang
- Wilayah pengaruh
- Rakyat

Apakah fungsi Raja dalam kerajaan Alam Melayu? **BUKU TEKS m.k. 4**

- A Tonggak kerajaan
- B Pengasas kerajaan
- C Penyebar tamadun
- D Kesetiaan rakyat

- 4 Apakah tujuan kerajaan Alam Melayu melaksanakan undang-undang? **BUKU TEKS m.k. 4**

- I Menjamin kesetiaan rakyat
- II Meluaskan wilayah pengaruh
- III Menjadi panduan pentadbiran
- IV Memastikan kesejahteraan kerajaan

- 7 Peta berikut berkaitan dengan kerajaan Srivijaya yang berpusat di Palembang.



- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 5 Apakah tujuan rakyat kerajaan Srivijaya menjalankan upacara persediaan dan meminum air sumpah? **BUKU TEKS m.k. 4**
- A Menghormati raja
 - B Melahirkan kesyukuran
 - C Membuktikan kesetiaan
 - D Mematuhi undang-undang

- 6 Kesultanan Johor-Riau meneruskan usaha melaksanakan ciri-ciri negara bangsa yang diasaskan oleh Kesultanan Melayu Melaka. Bagaimana usaha tersebut dilakukan? **BUKU TEKS m.k. 9**

- A Mengukuhkan ekonomi
- B Menekankan kepentingan Islam
- C Memajukan kegiatan persuratan
- D Menjalinkan hubungan diplomatik

Apakah asas yang membolehkan Srivijaya muncul sebagai empayar yang terkenal? **BUKU TEKS m.k. 9**

- A Ciri negara bangsa
- B Kekayaan hasil bumi
- C Kebijakan pemerintah
- D Pusat pengembangan agama

1.2 Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka


3 Bagaimanakah pemerintahan beraja Kesultanan Melayu Melaka diperkukuhkan? (BUKU TEKS m.s. 6)

- A Kesetiaan rakyat
- B Undang-undang bertulis
- C Lambang kebesaran raja
- D Sistem Pembesar Empat Lipatan

9 Apakah peranan golongan rakyat? (BUKU TEKS m.s. 6)

- I Taat setia kepada sultan
- II Kukuhkan ekonomi
- III Menjalankan pentadbiran
- IV Mematuhi undang-undang
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

10 Peta berikut menunjukkan keluasan empayar Kesultanan Melayu Melaka.



Selain melaksanakan penaklukan, apakah strategi perluasan empayar Melaka? (BUKU TEKS m.s. 7)

- I Naungan III Kerjasama
- II Perjanjian IV Perkahwinan
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

11 Maklumat berikut menjelaskan maksud kedaulatan.

Lambang kekuasaan tertinggi sultan

Apakah kepentingan konsep tersebut dalam perkembangan Kesultanan Melayu Melaka? (BUKU TEKS m.s. 6)

- A Menjamin pentadbiran yang cekap
- B Pelaksanaan undang-undang yang adil
- C Ikatan pemerintah dengan yang diperintah
- D Hak mutlak sultan mengawal rakyat dan wilayah

12 Apakah kesan pelaksanaan undang-undang berikut kepada Kesultanan Melayu Melaka? (BUKU TEKS m.s. 7)

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-Undang Laut Melaka

- A Kedudukan raja bertambah kukuh
- B Hak rakyat mendapat perlindungan
- C Melaka muncul sebagai kerajaan unggul
- D Melaka menjalin hubungan dengan China

13 Apakah kepentingan lambang berikut? (BUKU TEKS m.s. 7)

Adat istiadat	Nobat	Cap mohor
------------------	-------	--------------

- I Identiti kerajaan
- II Keistimewaan sultan
- III Lambang kemakmuran
- IV Kesetiaan golongan rakyat
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang

14 Apakah peranan Bendahara dalam Sistem Pembesar Empat Lipatan? (BUKU TEKS m.s. 9)

- I Ketua pentadbir
- II Penasihat sultan
- III Ketua protokol istana
- IV Panglima angkatan laut
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15 Senarai berikut berkaitan dengan bukti keunggulan Kesultanan Melayu Melaka.

- Sistem pentadbiran cekap
- Undang-undang tersusun

Apakah kesan yang dibawa oleh keunggulan tersebut? (BUKU TEKS m.s. 8)

- A Pengukuhan ekonomi
- B Kemasyhuran kerajaan
- C Peluasan jajahan takluk
- D Kelahiran idea negara bangsa

16 Apakah tugas Temenggung Kesultanan Melayu Melaka? (BUKU TEKS m.s. 8)

- A Menjadi duta
- B Menjadi Ketua Hakim
- C Mengetuai Angkatan Tentera Laut
- D Menjaga keselamatan kota Melaka

17 Perdagangan di Melaka tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Bagaimana matlamat tersebut dicapai? (BUKU TEKS m.s. 10)

- A Perintah sultan
- B Sistem pendidikan
- C Peranan Syahbandar
- D Hukum Kanun Melaka

18 Maklumat berikut berkaitan dengan Hukum Kanun Melaka.

Seseorang boleh dikenakan hukum bunuh.

Apakah keadaan yang membolehkan peruntukan tersebut dilaksanakan? (BUKU TEKS m.s. 10)

- I Memalsukan titah perintah sultan
- II Membunuh tanpa pengetahuan raja
- III Membunuh askar dalam peperangan
- IV Memalsukan arahan nakhoda
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

19 Apakah X?

BUKU TEKS m.s. 8

X

Wilayah yang diberikan oleh Sultan Melaka kepada para Pembesar Berempat untuk ditadbir.

- A Kawasan Tadbir
- B Kawasan Pegangan
- C Kawasan Pemakanan
- D Kawasan Pentadbiran Sementara

20 Undang-Undang Laut Melaka menyatakan keperluan melaksanakan percukaian yang sistematik dan adil. Apakah kepentingan peruntukan tersebut pada kerajaan Melaka?

BUKU TEKS m.s. 11

- A Menjamin kemakmuran
- B Mewujudkan keharmonian
- C Mematuhi arahan nakhoda
- D Mengurangkan kadar jenayah

21 Maklumat berikut berkaitan dengan peruntukan dalam Undang-Undang Laut Melaka.

Fasal 5

Seseorang yang berkelakuan jahat dan membunuh orang di atas kapal, maka orang tersebut akan dikenakan hukuman mati.

Mengapakah diadakan peruntukan tersebut?

BUKU TEKS m.s. 11

- A Mematuhi perintah sultan
- B Mewujudkan perpaduan
- C Memelihara keamanan negara
- D Menjamin keselamatan di kapal

22 Selain menjelaskan peranan nakhoda, apakah kepentingan Undang-Undang Laut Melaka kepada ahli pelayaran?

BUKU TEKS m.s. 11

- A Hukuman jenayah
- B Peranan pembesar
- C Tatacara pelayaran
- D Peraturan dalam urusan niaga

1.4

Peranan Pemerintah dan Rakyat

23 Dalam Kesultanan Melayu Melaka, hubungan antara pemerintah dan rakyat dikaitkan melalui konsep.

BUKU TEKS m.s. 12

- A Daulat
- B Waadat
- C Naungan
- D Negara Bangsa


24 Apakah peranan golongan pembesar dalam Kesultanan Melayu Melaka?

BUKU TEKS m.s. 12

- I Menggubal undang-undang
- II Menjalankan gotong royong
- III Mengutip hasil melalui Sistem Serah
- IV Memelihara keamanan di kawasan pegangan
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

25 Apakah perkara yang dilambangkan melalui waadat berikut?

BUKU TEKS m.s. 12



- A Kedaulatan raja memerintah
- B Perpaduan rakyat
- C Sistem Pembesar Empat Lipatan
- D Hubungan antara pemerintah dengan rakyat

26 Apakah peranan rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka?

BUKU TEKS m.s. 12

- I Menjadi tentera
- II Menghadiri majlis umum
- III Mewujudkan perpaduan
- IV Mengutip hasil melalui sistem serah
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

27 Dalam Kesultanan Melayu Melaka, rakyat takut untuk menderhaka kepada raja. Mereka mempercayai bahawa jika melakukan derhaka, mereka akan...

BUKU TEKS m.s. 13

- A Dimurkai sultan
- B Ditimpa tulah raja
- C Melanggar waadat
- D Menjalani hukuman bunuh

28 Tulah amat ditakuti oleh rakyat Melaka.

BUKU TEKS m.s. 13

Bagaimanakah mereka dapat menghindarkan diri daripada ditimpa tulah?

- A Memelihara keamanan
- B Tidak menghormati raja
- C Tidak derhaka kepada raja
- D Mengeratkan perpaduan masyarakat

29 Maklumat berikut berkaitan dengan Kesultanan Melayu Melaka.

Rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon. Jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri.

Maklumat tersebut menjelaskan

BUKU TEKS m.s. 13

- A Peranan rakyat
- B Kebesaran kerajaan
- C Kemasyhuran kerajaan Melaka
- D Hubung kait pemerintah dan rakyat

30 Mengapakah hubungan baik antara pemerintah dengan rakyat penting dalam Kesultanan Melayu Melaka?

BUKU TEKS m.s. 13

- A Melahirkan identiti
- B Mengukuhkan ekonomi
- C Menjamin kesejahteraan
- D Melaksana undang-undang adil